



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545  
Faks : 603-8889 5542  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 50/2011 (11 hingga 17 Disember 2011)

Pada minggu ke 50 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 11 hingga 17 Disember, sejumlah 522 kes demam denggi dengan dua (2) kematian telah dilaporkan, meningkat sebanyak 36 kes atau 7% berbanding dengan 486 kes dengan satu (1) kematian pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Jumlah kes pada minggu ke 50 merupakan jumlah kes mingguan yang tertinggi dilaporkan sejak awal Januari tahun ini. Tujuh (7) buah negeri juga menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 33 kes (16%), Perak 18 kes (41%), Sarawak 8 (38%), Terengganu 4 kes (31%), Kedah 2 kes (12%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 2 kes (4%) dan Johor meningkat sebanyak 1 kes (4%) (Lampiran A). Peningkatan kes sejak awal bulan Oktober ini dipengaruhi oleh musim hujan yang berlaku pada akhir tahun. Ini memudahkan nyamuk Aedes membiak di dalam bekas berisi air, terutama di luar premis.

Bagi tempoh Januari hingga 17 Disember 2011, sebanyak 19,253 kes dilaporkan berbanding 45,165 kes bagi tempoh yang sama tahun 2010. Sebanyak 36 kematian akibat demam denggi dilaporkan bagi tempoh yang sama, berbanding 133 kematian pada tahun 2010.

Pada minggu ke 50, terdapat dua (2) kematian demam denggi yang dilaporkan masing-masing dari Selangor dan Johor melibatkan dua lelaki berusia 31 tahun yang bekerja sebagai kelindan lori dan seorang tukang cuci yang berusia 44 tahun. Hasil pemeriksaan yang dijalankan di sekitar kawasan kediaman pesakit menjumpai enam (6) bekas pembiakan yang terdiri daripada bekas plastik, kasut buruk, bekas air sembahyang cina, tong cat serta tempayan yang tidak digunakan lagi. Tindakan penguatkuasaan telah dikenakan terhadap pemilik premis berkenaan di mana dua (2) kompaun bernilai RM500 setiap satu telah dikeluarkan. Jika masyarakat boleh meluangkan masa sekurang-kurangnya selama 10 minit seminggu memeriksa dan menghapuskan tempat pembiakan Aedes di sekitar rumah masing-masing nescaya tiada tempat pembiakan Aedes di sekitar kawasan kediaman, sekaligus menghalang jangkitan denggi berlaku.

Peningkatan kes kematian denggi perlu diberi perhatian wajar termasuk usaha menurunkan kes kematian dan kes berkomplikasi. Oleh itu sangat penting bagi masyarakat mendapatkan rawatan segera jika mempunyai gejala denggi. Pengamal-pengamal perubatan pula diminta lebih berhati-hati dan teliti apabila merawat kes disyaki denggi dan merujuk dengan segera ke hospital jika terdapat tanda-tanda awal komplikasi seperti pendarahan, muntah, cirit-birit dan kelesuan.

Sejumlah 97 lokaliti wabak denggi di 21 buah daerah dipantau di seluruh negara, meningkat 13 berbanding 84 lokaliti pada minggu sebelumnya. Terdapat tiga (3) lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu ini yang melibatkan 48 kes demam denggi. Dua (2) lokaliti *hot spots* di WP Kuala Lumpur iaitu Flat Taman Gembira dan Vista Angkasa di zon Klang Lama manakala Apartment Taman Bukit Kenangan di daerah Hulu Langat, Selangor (Lampiran B). Flat Taman Gembira telah

mengalami wabak melebihi dua (2) bulan dan masih mempunyai kadar pembiakan Aedes melebihi kadar sensitif (Lampiran C). Vista Angkasa walaupun melaporkan jumlah kes denggi terendah berbanding lokaliti *hot spots* yang lain, tetapi kadar pembiakan Aedesnya terlalu tinggi dan ini memberi risiko kepada penduduk setempat untuk dijangkiti denggi. Dengan kes kematian akibat denggi yang semakin meningkat, para penduduk harus mengambil iktibar dengan membersihkan kawasan persekitaran supaya ancaman denggi dapat dihapuskan.

Sempena musim cuti persekolahan yang sedang berlangsung dan hari perayaan pada hujung tahun, ramai yang mengambil kesempatan ini untuk keluar bercuti atau pulang ke kampung masing-masing. Sebelum meninggalkan rumah, sila pastikan tiada bekas atau takungan yang terbiar samada di dalam ataupun di persekitaran rumah. Ini bagi mengelakkan berlakunya pembiakan Aedes di dalam takungan tersebut. Jika telah pulang ke rumah, sila sembur di bahagian dalam rumah dengan semburan aerosol pembunuh nyamuk. Ini bagi membunuh semua nyamuk dewasa yang berada di dalam rumah dan mengelakkan anda dan keluarga digigit dengan nyamuk Aedes. Ingatlah, tanggungjawab anda dalam menghapuskan nyamuk Aedes amatlah bermakna kerana ia bukan sahaja dapat menghindarkan diri anda dan keluarga, tetapi seluruh masyarakat yang berjiran dengan anda akan terhindar daripada demam denggi.

**DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

19 Disember 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 50/2011  
(11 hingga 17 Disember 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 50/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 50/2010
		Minggu 50 (11 – 17 Dis 2011)	Minggu 49 (4 – 10 Dis 2011)		
1	Perlis	1	1	105	210
2	Kedah	19	17	503	764 (3)
3	P. Pinang	23	26	1,531 (3)	1,755 (7)
4	Perak	62	44	1,377 (2)	2,206 (6)
5	Selangor	234 (1)	201 (1)	7,454 (14)	16,001 (44)
6	WPKL & Putrajaya	49	47	1,966 (2)	4,126 (6)
7	N. Sembilan	12	12	722 (3)	1,490 (7)
8	Melaka	15	16	427	1,454 (12)
9	Johor	28 (1)	27	1,537 (7)	4,310 (12)
10	Pahang	14	20	891 (1)	1,619 (5)
11	Terengganu	17	13	674 (1)	1,431 (3)
12	Kelantan	14	30	709 (1)	3,535 (11)
13	Sarawak	29	21	946	4,181 (14)
14	Sabah	5	11	400 (2)	2,064 (3)
15	WP Labuan	0	0	11	19
	<b>MALAYSIA</b>	<b>522 (2)</b>	<b>486 (1)</b>	<b>19,253 (36)</b>	<b>45,165 (133)</b>

Nota: ( ) Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 50  
BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	WPKL	Klang Lama	Flat Taman Gembira	23	73
2	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	9	39
3	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Bukit Kenangan	16	32

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR  
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 50  
BAGI TAHUN 2011  
(11 hingga 17 Disember 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	33.3	33
2	WPKL	Klang Lama	Flat Taman Gembira	1.7	2